

## Kesediaan Remaja Hamil Luar Nikah terhadap Program Kerohanian di Pusat Perlindungan Wanita

The Readiness of Adolescent Pregnant Out of Wedlock in the Spiritual Program at the Women's Shelter

KHAIRUL HAMIMAH MOHD JODI  
NURUL HUSNA MANSOR

### ABSTRAK

*Penubuhan institusi perlindungan wanita di Malaysia adalah sebagai tanda sokongan terhadap usaha pemulihan yang dijalankan oleh pihak bertanggungjawab bagi membantu golongan remaja bermasalah. Secara umumnya, setiap institusi perlindungan beroperasi menggunakan modul tersendiri yang telah dibangunkan secara khusus oleh pihak-pihak yang berkepakaran, berpengalaman dan berautoriti. Matlamat utama pembinaan modul tersebut adalah bertujuan membangun dan memulihkan akhlak remaja bermasalah yang mendapatkan perlindungan di institusi tersebut. Ringkasnya, kandungan modul yang dihasilkan bersifat menyeluruh dan seimbang merangkumi aspek pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Berdasarkan kajian lepas, penekanan terhadap aspek kerohanian dikenal pasti berupaya membantu remaja bermasalah dalam dalam proses pemulihan. Namun begitu, sejauh manakah mereka bersedia terhadap pengisian kerohanian yang dijalankan dalam proses pemulihan jati diri setelah meninggalkan pusat perlindungan kelak? Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap pengisian kerohanian di pusat perlindungan wanita terpilih. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes. Dua teknik utama dalam proses pengumpulan data digunakan iaitu pemerhatian dan temu bual terhadap remaja hamil luar nikah di dua buah pusat perlindungan wanita terpilih iaitu Baitul Ehsan dan Asrama Bahagia. Seterusnya, dapatan kajian dianalisis secara tematik mengikut soalan yang telah disediakan terhadap sebarang isu yang timbul. Kajian mendapati remaja yang telah ditempatkan di pusat ini menunjukkan reaksi positif dan menerima setiap pengisian yang dijalankan dengan berlapang dada. Selain itu, majoriti daripada mereka juga didapati bersetuju dengan isi kandungan modul kerohanian yang disampaikan seterusnya bersedia untuk berubah ke arah yang lebih baik daripada sebelumnya. Kesediaan remaja ini penting sebagai kayu ukur dalam membantu penambahbaikan modul yang lebih berkualiti pada masa hadapan.*

*Kata kunci:* Kesediaan; remaja hamil luar nikah; pengisian kerohanian; pusat perlindungan wanita dan pemulihan remaja

### ABSTRACT

*The establishment of women's protection institutions throughout Malaysia is seen as a sign of support for the ongoing rehabilitation efforts of responsible parties to assist problematic adolescent. Generally, each of these shelters operates on a separate module that has been developed specifically by the expertise, experienced and authoritative parties. The main goal of develop the module is to rebuild and restore moral problems of adolescents who are protected by the shelters. In summary, the content of the modules is comprehensive and balanced encompassing aspects of physical development, emotion, spiritual and intellect. Based on previous research, emphasis on the spiritual aspect was identified to assist the problematic adolescent in the recovery process. However, to what extent does they prepared for the spiritualization of the self-recovery process after leaving the shelter? Therefor, this research was conducted to identify the willingness of adolescent pregnant out of wedlock towards filled with spiritual life in the women's shelter. This research uses a qualitative approach with case study method. Two main techniques in the data collection process are the observation and interviews juvenile adolescents in two selected women's shelters namely Baitul Ehsan and Asrama Bahagia. The findings were analyzed thematic according to the questions prepared for any issues arising. Studies have found that teenagers who have been stationed in this shelter have shown positive reactions, received a changes and forgiveness. Most of them also agree with the content of the spirituality modules delivered and they willing to change for the better than before. This teen's willingness is important as a measure and indicator in helping to improve the quality of the modules in the future.*

*Keywords:* Readiness; adolescent pregnant out of wedlock; filled with spiritual life; women's shelter and adolescents rehabilitation

## PENDAHULUAN

Meskipun belum direkodkan statistik lengkap mengenai kes salah laku seksual di Malaysia, namun statistik sedia ada daripada pusat perlindungan tertentu mahupun pihak bertanggungjawab sememangnya berada di tahap yang membimbangkan. Menurut laporan tahunan Institut Belia Malaysia pada tahun 2015, beberapa bentuk kegiatan salah laku seks seperti seks bebas, pornografi, jenayah rogol serta pembuangan bayi merupakan sebahagian dari gejala sosial yang menjadi kebimbangan golongan belia di negara ini (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia 2015). Gejala perzinaan dan persetubuhan haram merupakan antara kesalahan jenayah syariah yang mencatatkan angka tertinggi berbanding kesalahan jenayah yang lain (Makiah Tussaripah Jamil et al. 2012). Berdasarkan rekod bahagian penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), tangkapan bagi kes salah laku seks seperti persetubuhan haram dan kes khalwat di negeri Selangor dalam empat bulan pertama tahun 2015 sahaja mencatatkan angka tertinggi (476 kes) mengatasi kes lain seperti penahanan peminum arak (10 kes) dan kesalahan berjudi (93 kes) (Selangor Kini 2013). Rentetan daripada kes salah laku seksual ini, 803 orang anak tidak sah taraf dilahirkan di pusat kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dari tahun 2010-2013 (JKMM 2014), 532,158 kelahiran berdasarkan Jabatan Pendataran Negara (2005-2015) (Mstar Online 2013) dan 18,000 kes remaja hamil. Daripada jumlah kes remaja hamil ini, 25 peratus (4,500 kes) membabitkan remaja hamil luar nikah yang dianggarkan 1,500 kes pada setiap bulan iaitu 50 kes sehari dan kajian mendapati 50.4 peratus remaja melakukan hubungan seks kali pertama sebelum mencecah usia 14 tahun (Berita Harian 2015). Remaja hamil yang berumur di bawah 15 tahun mempunyai risiko komplikasi dan kematian lima kali ganda berbanding wanita dewasa, begitu juga dengan bayi yang dikandungnya (Azmi Abdul Malek 2015). Justeru, masalah salah laku seksual ini perlu ditangani secara besungguh-sungguh demi memperkasa remaja yang merupakan pembina agama, bangsa dan negara pada masa hadapan.

## METODOLOGI

Tulisan ini adalah hasil kajian kes yang datanya dikumpul melalui temu bual, pemerhatian turut serta dan analisa terhadap dokumen yang signifikan. Seramai empat orang pelatih dan empat orang kakitangan yang

mewakili pusat perlindungan masing-masing telah ditemu bual secara mendalam, mereka terdiri daripada dua pelatih dan dua kakitangan dari Baitul Ehsan dan Asrama Bahagia. Dua pusat pemulihan yang dipilih adalah Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (BES) merupakan sebuah pusat perlindungan wanita yang ditubuhkan di bawah bahagian pemulihan ar-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui peruntukan di bawah Seksyen 53 dan Seksyen 54 (2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No. 9 Tahun 1995 (EJSS 2003). BES diwartakan pada 13 September 2001 di daerah Sabak Bernam, dan Asrama Bahagia yang juga dikenali sebagai Asrama Akhlak (Perempuan) merupakan sebuah Pusat Kebajikan di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) yang ditubuhkan sejak tahun 1947, terletak di Kg. Pandan Kuala Lumpur. Asrama ini merupakan tempat untuk tahanan sementara dan pemulihan bagi kanak-kanak perempuan yang berumur antara 10 sehingga 18 tahun yang menghadapi konflik dengan perundangan dan akhlak yang tidak terkawal (JKM 2016). Pemilihan informan dilakukan dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Bagi melindungi kerahsiaan, nama dan maklumat-maklumat lain yang boleh mendedahkan identiti sebenar mereka telah ditukar. Kebenaran bagi melaksanakan temu bual telah diperoleh sebelum dilaksanakan. Penglibatan kesemua informan adalah secara sukarela dan mereka dipilih berdasarkan kriteria tertentu, iaitu; kakitangan yang ditemubual perlu mempunyai pengalaman bekerja di pusat melebihi dua tahun, manakala pelatih pula terdiri daripada mereka yang melakukan kesalahan seksual yang hamil ketika kajian dijalankan. Tempoh pelatih menghuni di pusat perlindungan turut diambil kira iaitu tidak kurang dari tiga bulan. Soalan temu bual kajian berbentuk soalan separa berstruktur, pengkaji memberikan kebebasan kepada setiap informan bagi meluahkan pandangan, namun pengkaji masih bertanggungjawab memastikan topik yang dibincangkan terkawal dan tidak lari dari tujuan asal kajian. Skrip temu bual kepada pelatih memfokuskan kepada aspek kesediaan mereka terhadap program kerohanian di pusat perlindungan merangkumi aspek pemahaman dan penghayatan. Sebanyak 12 sesi temubual dijalankan dengan setiap sesi berlangsung antara 40 sehingga 90 minit. Skrip temubual kepada pekerja pusat perlindungan juga difokuskan kepada pelaksanaan pengisian program kerohanian yang dijalankan di pusat tersebut. Selain itu, pemerhatian turut serta telah dijalankan ke atas pelatih ketika mereka mengikuti beberapa program berbentuk kerohanian seperti kelas pengajian, aktiviti harian dan kuliah agama yang dijalankan secara berkala.

Pemerhatian berlangsung selama empat bulan dan data direkod menggunakan nota lapangan. Seterusnya pemantauan secara konsisten turut dilakukan untuk beberapa bulan seterusnya bagi mengukuhkan data pemerhatian yang telah diperolehi. Tempoh kajian ini dijalankan selama tujuh belas bulan.

Kajian ini melibatkan dua buah pusat perlindungan wanita iaitu pusat perlindungan Baitul Ehsan dan Asrama Bahagia. Pusat perlindungan wanita ini dipilih kerana ia merupakan pusat yang dinyatakan secara khusus dalam Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 serta Akta Kanak-Kanak 2001 bagi menjalankan tanggungjawab melindungi kanak-kanak serta wanita yang terlibat dengan pelbagai kes salah laku termasuk kes seksual. Justifikasi pemilihan dua pusat perlindungan wanita ini adalah memandangkan setiap pusat perlindungan mewakili dua pihak yang berbeza iaitu kerajaan persekutuan (Kuala Lumpur) dan Majlis Agama Islam Negeri (Selangor). Kedua-dua pusat perlindungan ini mempunyai modul sendiri yang dibangunkan oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap masalah sosial dan kedua-dua pusat ini memberi penekanan kepada kerohanian sebagai asas kepada pemulihan akhlak penghuninya. Selain itu, kedua-dua pusat ini menerima kemasukan pelatih melalui arahan pihak mahkamah dan secara sukarela atas kes-kes tertentu.

#### FAKTOR DAN IMPLIKASI KEHAMILAN LUAR NIKAH

Berasaskan beberapa dokumen daripada agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai punca remaja hamil luar nikah yang memberi kesan kehamilan luar nikahan dan sekaligus mempengaruhi tahap penerimaan remaja terhadap pengisian modul di pusat perlindungan. Antara faktor yang paling popular adalah menjadi mangsa rogol (Nor Jana Saim 2013; Fatimah Abdullah et al. 2013), diikuti hubungan yang renggang antara anak dengan ibu bapa menyebabkan ibu bapa tidak dapat memantau aktiviti anak-anak. Seterusnya, remaja hamil luar nikah juga secara umumnya dikenal pasti kurang berpegang dengan ajaran agama (Khadijah Alavi et al. 2012; Salasiah Hanin Hamjah et al. 2012; Khairani Omar et al. 2010; Salmi Ahmad Sudan 2013; Azmawaty Mohamad Nor 2015). Walau bagaimanapun, faktor agama ini disanggah oleh kajian Azlina Muhammad yang mendapat 86.5 peratus remaja hamil luar nikah mempunyai pendidikan agama, tetapi tidak dihayati dan diamalkan, sebaliknya ia berpunca daripada

kegagalan mereka sendiri dalam mengawal nafsu dari melakukan perkara-perkara yang dilarang khususnya berkaitan seksual (Azlina Muhammad 2012). Perkara ini turut diakui dalam kajian Nasrudin Subhi dan Salmi Ahmad Sudan (Nasrudin Subhi et al. 2012; Salmi Ahmad Sudan 2013).

Selanjutnya, dapatan kajian mendapati faktor persekitaran yang terdiri daripada tempat tinggal, rakan sebaya dan kemudahan remaja untuk mengakses laman sesawang pornografi turut menyumbang kepada salah laku seksual (Khadijah Alavi et al. 2012; Salhah Abdullah et al. 2014; Khairani Omar et al. 2010). Tidak kurang juga, terdapat remaja didapati menjadi mangsa penipuan sindiket atau individu tertentu bagi tujuan pelacuran serta perasaan remaja sendiri yang ingin mencuba sesuatu yang baru termasuk pengalaman seks (Salasiah Hanin Hamjah et al. 2012), pujaan teman lelaki yang sememangnya dikenali (Azlina Muhammad 2012). Sesuai dengan transisi usia remaja itu sendiri, mereka mempunyai keinginan untuk dicintai dan mencintai (Salamatussaadah Abd. Ghadur & Nor Ba'yah Abdul Kadir 2009; Faizah Abd. Ghani & Azian Abd. Aziz 2013; Nasrudin Subhi et al. 2012) sehingga membawa kesan kepada hubungan intim yang dilakukan secara rela (Nor Jana Saim 2013; Fatimah Abdullah et al. 2013). Tahap pendidikan dan status sosio ekonomi yang rendah turut menyumbang kepada permasalahan ini (Salamatussaadah Abd. Ghadur & Nor Ba'yah Abdul Kadir 2009; Fatimah Abdullah et al. 2013; Salmi Ahmad Sudan 2013) dan terdapat juga kajian yang mendapati remaja hamil luar nikah ini tidak aktif dengan aktiviti kokurikulum sekolah sebaliknya terlibat dengan penyalahgunaan bahan terlarang (Khairani Omar et al. 2010).

Kajian mendapati semasa di peringkat awal kehamilan, remaja tidak boleh menerima kenyataan, merasa takut, sedih, kecewa (Faizah Abd. Ghani & Azian Abd. Aziz 2013) dan berusaha menggugurkan kandungan dengan menggunakan pelbagai cara (Azmawaty Mohamad Nor 2015). Namun, keinginan tersebut berkurangan apabila usia kandungan semakin bertambah (Azmawaty Mohamad Nor et al. 2013; Azmawaty Mohamad Nor 2015). Dalam kajian lain, remaja hamil yang mendapatkan perlindungan di pusat perlindungan juga bukan sahaja cenderung mengalami gangguan emosi, gangguan tidur yang kronik sehingga menjelaskan perkembangan kognitif mereka (Su Xu Vin et al. 2014), bahkan tidak mendapat sokongan daripada keluarga dan ibu bapa memandangkan mereka tidak bersedia menjadi datuk dan nenek kepada bakal cucu tersebut (Norulhuda Sarnon et al. 2012). Walau bagaimanapun, kajian

Norshidah (2012) mendapati, psikologi remaja hamil luar nikah yang mendapatkan rawatan dan pemulihan di pusat perlindungan menunjukkan peningkatan yang semakin baik dari semasa ke semasa. Menurut daptan kajian Khairul Hamimah Mohd. Jodi (2013), pusat perlindungan yang menerapkan nilai-nilai Islam, bimbingan agama dan menggunakan metodologi dakwah dalam modul pemulihan mereka didapati mampu mendorong kepada perubahan tingkah laku remaja selain berupaya memastikan kesilapan yang sama tidak lagi berulang di masa akan datang (Jawiah Dakir et al. 2009). Modul yang menggunakan pendekatan agama dan berunsurkan kerohanian juga berpotensi merawat akhlak, memantapkan iman (Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan 2009; Md Noor Saper 2012; Fazilah Idris et al. 2013; Nurul Husna Mansor 2016; Khairul Hamimah Mohammad Jodi 2018), meningkatkan harga diri (self-esteem), mengurangkan kemurungan dan memantapkan daya tahan remaja dengan menggunakan pendekatan kaunseling berkelompok (Fauziah Mohd Sa'ad 2014).

Berdasarkan penelitian Noor Hafizah Mohd Haridi dan Fakhrul Adabi Abd. Kadir (2015), pelaksanaan program-program kerohanian di pusat perlindungan masih di tahap sederhana, namun pelatih dikenal pasti telah berpuas hati dengan program yang diberikan. Di dalam kajian lain, beberapa cadangan penambahbaikan bagi modul dan program kerohanian untuk tujuan pemulihan bagi kes salah laku seks telah diutarakan seperti memasukkan elemen pendidikan seks menggunakan pendekatan Islam dalam mengendalikan permasalahan seksual (Salmi Ahmad Sudan 2013), mempraktikkan pendekatan psiko-spiritual bagi merawat masalah ketagihan pornografi (Nor Azah Ab. Aziz 2009) serta menerapkan elemen kaunseling dalam proses pemulihan mereka (Siti Balqis Mohd Azam et al. June 2013). Namun pelaksanaan ini tidak mungkin tercapai jika faktor tenaga pengajar tidak diambil kira kerana tenaga pengajar yang mencukupi memberi kesan kepada penerimaan pengisian modul yang disampaikan (Noor Hafizah Mohd Haridi & Fakhrul Adabi Abd. Kadir 2015).

#### KESEDIAAN REMAJA TERHADAP PROGRAM PEMULIHAN

Tulisan pada bahagian ini akan membincangkan bagaimana kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap pengisian program kerohanian di dua buah Pusat Perlindungan Wanita iaitu Baitul Ehsan dan Asrama

Bahagia. Informan kajian terdiri daripada empat orang, iaitu dua kakitangan yang mewakili setiap pusat perlindungan. Mereka terdiri daripada pengetua/penguasa dan guru yang telah berkhidmat lebih dari dua tahun. Informan kajian pula diwakili dua pelatih setiap pusat, dua peserta kajian diklasifikasikan sebagai remaja peringkat akhir (20 hingga 22 tahun) dan dua peserta lagi pada peringkat pertengahan remaja (15 hingga 16 tahun). Dalam hal ini, analisa daptan kajian mendapati kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap pengisian kerohanian di pusat perlindungan tertumpu kepada tiga aspek iaitu pengisian akidah, ibadah dan akhlak.

#### PENGISIAN AKIDAH

BES menyediakan kelas pengajian akidah selama satu jam kepada pelatih sebanyak dua kali seminggu secara formal di bilik kuliah. Melalui kelas pengajian akidah, pelatih diajar mengenai maksud akidah serta kepentingannya, jenis akidah, lima rukun iman, Sifat 20, perkara yang membatalkan iman, makna dan ciri-ciri munafik, syirik, murtad dan kafir. Kelas akidah dijalankan oleh tenaga pengajar dalam bentuk penerangan dan menyediakan nota ringkas (Modul Transformasi Ehsan). Pengisian akidah secara tidak formal turut diterapkan menerusi beberapa kegiatan harian bercorak kerohanian seperti tazkirah Zuhur, kuliah Maghrib serta usrah.

Asrama Bahagia juga mengadakan kelas pengajaran akidah seperti BES yang diadakan pada setiap hari secara formal. Tidak banyak perbezaan topik yang dipelajari di BES dan Asrama Bahagia iaitu dengan penambahan topik ajaran sesat, perkara *samiyyat*, *ghaibiyat* dan kepentingan akidah dalam kehidupan. Asrama Bahagia memberi penekanan kepada pemahaman rukun iman dan Islam kerana dua perkara tersebut merupakan asas dalam akidah. Pengisian akidah secara tidak formal turut diterapkan menerusi beberapa kegiatan harian bercorak kerohanian seperti tazkirah, kuliah Maghrib, ceramah pada hari kebesaran Islam dan hafazan surah-surah lazim untuk solat. Pelajar juga diperiksa bacaan dua kalimah syahadah mereka yang bertujuan untuk memastikan ucapan yang diberikan itu betul. Ini disebabkan kalimah syahadah disebut dalam solat dan kalimah tersebut merupakan pengakuan seorang individu terhadap Allah dan Nabi Muhammad sebagai pesuruh Allah.

Kedua-dua buah pusat perlindungan ini memberi penekanan subjek rukun Iman dan Islam kerana iman merupakan teras pembinaan insan. Keteguhan iman mempunyai hubungan dengan amalan

harian manusia, iaitu mampu mencegah dan menyembuhkan kecelaruan jiwa (Wan Tauraniah Yahya 2004; Khairul Hamimah & Nurul Husna 2017), taat kepada perintah Allah dan yakin terhadap pembalasan azab (al-Ghazali 2010). Justeru mereka selalu diingatkan kepada kepentingan iman dan Islam dalam kehidupan sehari-hari. Perkara ini diakui oleh tenaga pengajar BES yang mengambil pelbagai inisiatif untuk memantapkan akidah pelatih sebagai berikut (Halimatoh Mohd. Ngahim 2015):

...Dalam kelas *fiqh*, saya selalu kaitkan dengan akidah. Fahamkan mereka kenapa Allah hidupkan sebagai Muslim. Bila kita sentiasa tanam benda tu dalam diri mereka, akhirnya mereka akan berfikir dan terus berfikir...

Pemantapan dan penghayatan terhadap rukun iman dan Islam akan memberikan kesan terhadap hati dan akal serta mengawal daripada memikirkan perkara yang dilarang oleh Allah, menghindarkan anggota zahir daripada melakukan tindakan yang dilarang, berhati-hati dalam tindakan yang dilakukan, menunaikan semua kewajipan dan tanggungjawab kepada Allah, agama, diri, keluarga serta menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan kepadanya (Afiff Abdul Fattah 1985; Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari 2016).

Dalam konteks remaja bermasalah, disebabkan tidak wujud perasaan takut kepada Allah SWT, mereka cenderung kepada masalah salah laku seksual untuk mengurangkan tekanan dan kegagalan mengawal nafsu. Faktor ini merupakan antara penyebab remaja hilang perasaan malu dan tanpa rasa takut terjerumus dengan hubungan seks secara terlarang. Perkara ini diakui oleh salah seorang pelatih. Menurutnya, penglibatan dirinya dengan kegiatan seks sebelum nikah berpunca daripada diri sendiri yang tidak menghiraukan aspek dosa dan pahala dan tidak malu melakukan maksiat, degil, lalai serta leka. Namun apabila dimasukkan ke pusat perlindungan pelatih dapat menerima kesalahan sendiri, (Pelatih 2 2014) reda dan menerima hakikat kemasukannya di pusat perlindungan adalah untuk kebaikan dirinya (Pelatih 4 2015). Perbandingan penekanan akidah daripada kedua pertubuhan ini dapat dilihat pada Jadual 1.

#### PENGISIAN IBADAH

Dalam bahagian ini, Asrama Bahagia menekankan topik solat dalam ibadah tanpa meminggirkkan topik lain seperti pembahagian hukum, bersuci, najis, wuduk, tayamum, puasa, istinja' dan zakat. Kelas ibadah juga diadakan secara formal dan pelajar didekah dengan praktikal ibadah seperti tayamum, solat jenazah, mandi wajib, qiamullail, solat fardu

JADUAL 1. Subjek akidah di Asrama Bahagia dan BES

Asrama Bahagia	BES
Ajaran sesat, Perkara <i>samiyyat</i> dan <i>ghaibiyat</i> , kepentingan akidah, Solat berjemaah, Rukun iman, Rukun Islam, Ihsan-sifat mahmudah dan mazmumah.	Asas Rukun Iman dan Islam, Sifat 20, Asma al-Husna

Sumber: Modul Asrama Bahagia dan BES dan pemerhatian

berjemaah dan menunaikan solat sunat Duha pada setiap hari. Tenaga pengajar juga mengambil inisiatif dengan menayangkan kaedah beribadah, ceramah pendek melalui laman sesawang *you tube* bagi mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam kelas. Topik ibadah juga menjadi antara tajuk kuliah maghrib dan ceramah umum yang diadakan pada hari kebesaran Islam seperti Isra Mikraj.

Baitul Ehsan pula membahagikan topik ibadah kepada dua peringkat iaitu bagi pelatih tahap satu dan dua. Di tahap satu, pelatih akan mempelajari topik *taharah*, jenis-jenis air, jenis najis dan cara menyucikannya, mandi wajib, puasa, tadarrus al-Quran, zakat, haji, sembelihan, qurban dan akikah. Bagi pelatih yang telah melepas tahap satu, mereka layak untuk menduduki tahap kedua dan diwajibkan mengikuti kelas *fiqh* wanita. Melalui pembelajaran *fiqh* wanita, pelatih didekah dengan beberapa topik berkaitan ibadah secara lebih mendalam seperti *fiqh* kewanitaan, hukum *fiqh*, sumber-sumber *fiqh* Islam, beberapa istilah dalam ilmu *fiqh* dan *taharah* meliputi perbincangan mengenai hukum bersuci, batas aurat dan khitan bagi wanita, pembahagian *hadas* dan *junub*, permasalahan darah wanita iaitu *haid*, *nifas* serta *wiladah* (Modul Transformasi Ehsan, BES). Pihak BES turut menjalankan kelas pengukuhan solat yang dinamakan "Smart Solat" pada setiap minggu bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman pelatih mengenai solat bermula daripada mengambil wuduk sehingga perkara rukhsah dalam solat (Modul Transformasi Ehsan, BES).

Penghayatan terhadap ibadah dipercayai mampu memberikan impak positif terhadap pembangunan insan dari aspek kekuatan personaliti dan sosial (Ruzieha Abd. Halim 2017; Ary Ginanjar Agustian 2001). Ibadah khusus melatih manusia supaya sentiasa bersih dari sudut fizikal, mental dan emosi, menjaga masa, menjaga peraturan, cermat dan teliti. Ibadah khusus berupaya mencetuskan kesedaran dalam seterusnya membina keyakinan dan ketiaatan kepada Allah. Natijahnya, individu

mampu mengawal nafsu, menjaga perilaku dan ikhlas kerana mengharapkan keredaan Allah (Abdul Halim El-Muhammady 1991).

Ringkasnya, kedua-dua buah pusat perlindungan ini memberi penekanan kepada ibadat solat dan ini bertepatan kerana solat memberi kesan terhadap kesihatan serta kecerdasan fizikal melalui gerakannya (Muhammad Wasfi t.t), kesan terhadap kesejahteraan rohani (al-Ghazali 1993), merawat penyakit jiwa (Ahmad Hisham & Che Zarrina 2009), meninggalkan perbuatan keji dan mungkar (al-Ankabut 29:45) dengan syarat solat ini ditunaikan dengan khusyuk, memahami tujuan solat dan perasaan takut kepada Allah (al-Ghazali 2003). Ibadah solat ini mampu menghapuskan dosa (Hadis Bukhari), membuang sifat malas (al-Qaradawi 1995), sebagai terapi kegelisahan jiwa (Che Zarrina Sa'ari 2001), mampu mengekalkan tahap kestabilan mental serta emosi seseorang (Fatimah Ibrahim et al. 2008) serta berupaya mengurangkan keinginan melakukan masalah sosial (Razmi @ Hilmi Mohamed 2015). Dalam situasi remaja hamil luar nikah, solat ini sangat relevan ditunaikan bersesuaian dengan status mereka yang menjalani rawatan pemulihan untuk mendapatkan keampunan daripada Allah SWT. Ini dibuktikan oleh Razmi (2015) dalam kajiannya mendapati solat mempunyai hubungan signifikan dengan perilaku delinkuen dan hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat yang bermaksud:

...Wahai orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menolong orang-orang yang sabar...

Perkara ini diluahkan oleh pelatih sebelum dan selepas memasuki pusat perlindungan, jelasnya (Pelatih 1 2014):

... Sebelum masuk sini saya solat sekali hingga dua kali sahaja dalam sehari. Kadang-kadang langsung tak buat. Biasa solat waktu Asar dan Maghrib. Errmm.. ikut waktu-waktu lah, sebab lupa dan kadang-kadang sebab ada buat benda lain yang melekakan saya macam layan internet atau keluar..masuk sini ada solat sunat.. ada qiamullail. saya dah biasa buat. Tapi kalau minggu takda pun saya dah terbiasa bangun sendiri dalam puluk 3 pagi...

Perkara ini diakui oleh tenaga pengajar Asrama Bahagia. Jelasnya (Wan Katijah 2015):

...Sebelum budak-budak ni masuk, ada yang tak tahu mengucap syahadah, tak puasa, tak solat, tak pernah dengar nama solat duha.. sekarang alhamdulillah.. ramai dah tahu..dan ada yang habis khatam al-Quran di sini...

Berdasarkan maklumat di atas, pelatih didapati rela hati melakukan perubahan serta menggunakan peluang sebaiknya di pusat perlindungan. Perkara ini

dilihat dengan jelas berdasarkan pengakuan tenaga pengajar berhubung sikap pelatih yang komited dalam melaksanakan ibadah secara konsisten. Perbandingan penekanan ibadah daripada kedua pertubuhan ini dapat dilihat pada Jadual 2.

JADUAL 2. Subjek ibadah di Asrama Bahagia dan BES

Asrama Bahagia	BES
Fekah,	Fiqh wanita,
Pembagian hukum,	Solat,
Bersuci,	Puasa,
Najis,	Baca al-Quran,
Wuduk,	Zikir,
Solat,	Wirid,
Tayamum,	Doa,
Puasa,	Selawat,
Istinja',	Jawi,
Zakat.	Tajwid.

Sumber: Modul Asrama Bahagia dan BES dan pemerhatian

#### PENGISIAN AKHLAK

Asrama Bahagia BES dan JKM memberi keutamaan kepada pembentukan dan pemulihan akhlak kepada pelatih. Topik akhlak Asrama Bahagia dibahagikan kepada enam iaitu adab dalam kehidupan harian, adab terhadap ibu bapa, keluarga, rakan, kehidupan, adab terhadap ilmu, al-Quran dan sifat-sifat terpuji. Menurut tenaga pengajar Asrama Bahagia, pelatih diberi penekanan kepada adab bersama rakan untuk mengelakkan pengaruh tidak baik rakan kepada mereka kerana kebanyakan pelatih yang mendapat perlindungan dan rawatan di sini adalah disebabkan oleh rakan sebaya (Wan Katijah 2015). Kelas akhlak ini dilakukan secara formal dan diterapkan secara tidak langsung dalam aktiviti harian seperti riadah, tazkirah dan kelas kemahiran.

Baitul Ehsan membangunkan akhlak pelatih melalui subjek adab dan *fiqh* wanita yang khusus kepada pelatih yang berada di tahap tiga dan empat (Kaminur Nasir 2014). Selain pembelajaran di dalam kelas, pengisian akhlak di BES diterapkan melalui beberapa pengisian lain seperti tazkirah, usrah, perhimpunan pagi, gotong-royong, sambutan hari kebesaran Islam, riadah dan sukan, sesi bimbingan dan kaunseling, kem motivasi, kawad kaki, mandi terapi liang lahad, program khidmat masyarakat, lawatan sambil belajar, kursus praperkahwinan dan ceramah kesihatan (Modul Transformasi Ehsan). Pembangunan akhlak individu memerlukan faktor persekitaran, pendidikan, pengajaran, bimbingan dan latihan sebagai pemangkin kepada

penghayatan nilai-nilai akhlak (Abdul Halim 1991). Penghayatan kepada akhlak akan membantu individu menyingkirkan nilai-nilai tidak baik yang ada pada diri mereka (Nasarudin 2018). Akhlak manusia boleh berkembang dan dibentuk dengan pelbagai cara. Antaranya ialah latihan amali dan amalan-amalan menjernihkan batin, meletakkan diri dalam lingkungan persekitaran yang soleh dan pelaksanaan *al-mujahadah* dan *al-riyadah* (al-Ghazali 1967). Dalam konteks ini, pusat perlindungan dilihat telah memainkan peranan dengan menyediakan persekitaran yang baik membantu memulihkan akhlak remaja hamil luar nikah melalui program-program kerohanian bagi mengisi kembali kekosongan, kecelaruan dan kekhilafan akhlak pelatih untuk proses penyucian jiwa. Ini dibuktikan kajian Noor Hafizah Mohd Haridi (2016) mendapati bahawa program keagamaan dikenal pasti menjadi faktor perubahan akhlak remaja bermasalah. Kesungguhan pusat perlindungan melaksanakan *mujahadah* dan *riyadah* terhadap akhlak pelatih diakui oleh tenaga pengajar. Jelasnya (Kaminur Nasir 2014):

...Dalam subjek adab yang paling utama saya tekankan adab pada ibu bapa, adab pada guru dan adab pada masyarakat. Sebab adab ni memang sangat diperlukan dan takkan terpisah daripada setiap orang. Berbanding dahulu yang belajar kat musolla, sekarang bila dah ada nota diorang nampak lagi berminat lah dan banyak tanya "oo macamni ke ustazah?" Kita terangkanlah. Kalau ikut cara saya, saya bagi nota dulu, mintak diorang baca dan saya terangkan. Sekali kelas dua jam. Seminggu sekali sahaja (Isnin). Subjek ibadah seminggu dua kali. Sebab hari Jumaat saya terlibat dengan terapi. Walaupun nama subjek ni disebut sebagai adab tapi sebenarnya menjurus kepada akhlak...

Salah satu kaedah Asrama Bahagia membentuk akhlak adalah memberi tanggungjawab kepimpinan kepada mana-mana pelatih yang dianggap paling degil. Perubahan sikap dapat dilihat daripada sukar berubah kepada lebih baik, lebih terbuka, mematuhi arahan. Ini disebabkan pelatih itu merasakan tanggungjawab itu merupakan amanah dan dia perlu menjadi contoh kepada pelatih-pelatih yang lain (Wan Katijah 2015). Terdapat beberapa perubahan yang berlaku kepada pelatih kesan daripada program pengisian akhlak di pusat perlindungan ini antaranya pelatih didapati lebih banyak menyalahkan orang sekeliling dan menganggap diri mereka tidak disayangi serta merasakan mereka tidak bersalah pada peringkat awal kemasukan ke pusat perlindungan. Namun, setelah mengikuti program kerohanian, mereka mula menerima kenyataan dan mengaku kesilapan diri serta bersikap terbuka. Walau bagaimanapun terdapat segelintir yang masih belum menerima kenyataan kerana ego menguasai

diri (Halilah Sarjuni 2014; Wan Katijah 2015). Seorang pelatih di BES juga meluahkan kekesalannya dengan berkata (Pelatih 2 2014):

...Saya tak salahkan mak ayah dalam hal ni. Saya memang bersalah. Mak ayah dah hantar saya pergi mengaji agama, cuma saya je degil, orang nampak saya macam *happy* tapi dalam hati ni Allah je yang tahu, setiap malam saya menangis kenang dosa saya dan sikap saya dengan mak ayah. Bila kat sini saya asyik terkenang balik pesan-pesan mak saya dulu. Saya malu...

Salah seorang pelatih di Asrama Bahagia turut mengakui (Pelatih 3 2015):

...Sebelum masuk sini, saya memang susah nak dengar cakap orang..cakap mak dengan ayah..hmm memang lawan juga. Masuk sini okla...saya tahu dosa tu...

Berdasarkan kepada temu bual di atas, secara umumnya, kajian mendapati pusat perlindungan wanita Baitul Ehsan dan Asrama Bahagia memberikan perhatian terhadap bentuk pengisian yang menjurus kepada pengukuhan akidah diikuti dengan pelaksanaan ibadah dan akhirnya mengarah kepada pembentukan akhlak. Manakala daripada aspek kesediaan pelatih, informan kajian dilihat lebih optimis dan terbuka terhadap program pemulihan yang dijalankan. Kesanggupan mereka mengikuti program-program yang ditetapkan menunjukkan bahawa informan telah bersedia untuk memperbaiki akhlak tanpa dipengaruhi unsur lain. Perbandingan penekanan aspek akhlak daripada kedua pertubuhan ini dapat dilihat pada Jadual 3.

JADUAL 3. Subjek akhlak di Asrama Bahagia dan BES

Asrama Bahagia	BES
Adab kehidupan,	Akhhlak mahmudah
Adab kekeluargaan,	Akhhlak mazmumah
Adab terhadap ilmu,	Adab-adab dalam Islam
Adab terhadap al-Quran,	Pendidikan seksual dan tanggungjawab
Akhhlak Rasulullah SAW	reproduktif

Sumber: Modul Asrama Bahagia dan BES dan pemerhatian

## KESIMPULAN

Kajian menyimpulkan bahawa pengisian kerohanian yang dijalankan oleh pusat perlindungan diterima baik oleh informan. Kesediaan mereka ini didorong oleh pengisian program yang didapati bersesuaian dengan keperluan mereka ke arah melakukan transformasi diri. Pengisian kerohanian yang menumpukan kepada aspek pengukuhan akidah, ibadah dan akhlak yang dijalankan oleh kedua-dua pusat perlindungan dilihat menjadi satu

platform penting dalam mempersiapkan informan menjadi manusia yang memiliki kualiti dari aspek pembangunan diri secara holistik. Tumpuan terhadap aspek akidah membantu mengukuhkan keyakinan pelatih dari aspek keimanan dan keteguhan diri secara tidak langsung memupuk rasa bertuhan. Tumpuan terhadap aspek ibadah pula dilihat telah berupaya membantu pelatih menghayati nilai tanggungjawab dalam konteks peranannya sebagai hamba Allah. Manakala aspek akhlak yang diberikan pendedahan tidak kurang pentingnya dalam mendidik pelatih menjadi manusia yang mengamalkan nilai-nilai yang baik dalam kehidupan. Ringkasnya ketiga-tiga aspek tersebut mempunyai kekuatannya yang tersendiri dalam memastikan remaja menjauhi perbuatan tidak baik dan hanya menumpukan kepada proses pemulihan. Sikap optimis yang ditunjukkan oleh kakitangan juga secara tidak langsung membantu melicinkan proses pelaksanaan pengisian kerohanian yang telah dirangka.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh dana Geran Penyelidikan UMRG RP033C-16HNE dan Geran Bantuan Kecil Penyelidikan (BK003-2018) Universiti Malaya. Penghargaan ditujukan kepada mereka yang telah menjayakan projek ini.

#### RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady. 1991. *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Selangor: Dewan Pustaka Islam.
- Afiff Abdul Fattah Thayyarah. 1985. *Jiwa Agama Islam* 2, terj. M. Abdai Rathomy. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ahmad Hisham Azizan dan Zarrina Che Sa'ari. Januari-Jun 2009. Terapi solat dalam menangani penyakit gelisah (*anxiety*) menurut perspektif psikoterapi Islam. *Jurnal Usuluddin* 29: 7.
- Ary Ginanjar Agustian. 2001. *Rahasia Sukses Membangun KeRahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ: Emotional Spiritual Quotient: the ESQQ Way* 165, 1 Ihsan, Rukun Iman dan 5 Rukun Islam. Jakarta: Arga Publishing.
- Azlinna Muhammud. 2012. Penghuni Raudhatus Sakinah: Kajian Terhadap Latar Belakang dan Faktor Salah Laku. Disertasi sarjana: Universiti Malaya.
- Azmawaty Mohamad Nor et al. 2013. Adolescent with an unwanted pregnancy: An experience. *Counseling, Psychotherapy and Health* 8: 8-21.
- Azmawaty Binti Mohamad Nor. 2015. Understanding adolescents' experience with an unwanted pregnancy. Tesis kedoktoran: Universiti Malaya
- Bukhari, H. R. 2000. Kitab Mawaqit al-Salat, Bab al-Salatu al-Khams Kaffarah, no. Hadis 528, "Sahih al-Bukhari," dalam Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin 'Abd al-Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam.
- Che Zarrina Sa'ari. 2001. Penyakit gelisah (*anxiety/al-halu'*) dalam masyarakat Islam dan penyelesaiannya menurut psiko-spiritual Islam. *Jurnal Usuluddin* 14: 1-22.
- Faizah Abd. Ghani dan Azian Abd. Aziz. 2013. Illegitimate childbearing scenario among adolescents. *Research Journal in Organizational Psychology and Educational Studies* 2(5): 260-265.
- Fatima Abdullah, et al. 2013. Menjadi ibu di usia remaja: Kes ibu tanpa nikah di sebuah rumah perlindungan. *Jurnal Sarjana*: 12-14.
- Fatimah Ibrahim et al. 2008. *Solat: Kebaikan dari Perspektif Sains*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Fauzia Mohd Sa'ad. 2014. Keberkesanan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din ke atas Konsep Kendiri, Kemurungan dan Daya Tahan Remaja Hamil Luar Nikah. Tesis kedoktoran: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fazilah Idris et al. 2013. A path analysis approach on the effects of faith-based behavior on religious delinquent behavior among youth. *Research Journal of Applied Sciences* 8(1): 89-95.
- al-Ghazali, A. H. t.t. *Minhaj al-'Arifin*. Kaherah: Matba'ah al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- al-Ghazali, I. 1967. *Ihya' Ulum al-din, juzuk 3*. Qaherah: Muassasah al-Halabi wa syarikahu li al-nasyri wa al-Tauzi'.
- al-Ghazali, A. H. 1993. *Ayyuha al-Walad*. Kaherah: Dar al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- al-Ghazali, A. H. 2003. *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din fi al-'Aqaid wa Asrar al-Ibadat wa al-Akhlaq*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- al-Ghazali, A. H. 2010. *Ihya' Ulum al-Din, Tahqiq Ali Muhammad Mustafa dan Sa'id al-Muhasini*, Juz. 2. Dimasyq: Dar al-Fayha.
- Halilah Sarjuni. Guru agama, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. Temu bual pada 27 Ogos 2014.
- Halimaton Mohd. Ngalim. Guru agama, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. Temu bual pada 27 Ogos 2014.
- Howit & Cramer. 2008. *Introduction to Research Methods in Psychology*. Harlow: Pearson.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2015. *Laporan Kajian Gejala Sosial di Kalangan Belia Malaysia*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. 2014. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan, Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.
- Jawiah Dakir et al. 2009. Bimbingan agama dan metodologi dakwah di institusi pemulihan: Kajian kes di Penjara Wanita Kajang, Selangor. *Jurnal ILIM* 2: 9-20.
- Kaminur Nasir. Guru agama, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. Temu bual pada 26 Ogos 2014.

- Khadijh Alavi et al. 2012. Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 131-140.
- Khairni Omar et al. 2010. Adolescent pregnancy outcomes and risk factors in Malaysia. *International Journal of Gynecology and Obstetrics* 111: 220-223.
- Khairul Hamimah Mohd Jodi. 2013. Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Modul Pembangunan Wanita Bermasalah di Malaysia: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tesis kedoktoran: Universiti Malaya.
- Khairul Hamimah Mohd Jodi. 2018. Nilai-nilai Islam dalam program pemulihan dan rawatan dadah di Pengasih. *Islāmiyyāt* 40(2): 141-149.
- Khairul Hamimah Mohd Jodi & Nurul Husna Mansor. 2017. Penerimaan Remaja Terlanjur Terhadap Pengisian Kerohanian di Institusi Perlindungan Wanita. 2nd International Conference on Religion and Society 2017. University Malaysia Sabah.
- Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan. 2009. Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar: Satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1): 9.
- Mahmood Nazar Mohamed. 1990. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Makiah Tussaripah Jamil, Abdul Mukti Baharudin dan Hisam Satari. Jun 2012. Pengguguran bayi menurut perspektif islam dan perundangan di Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah* 2(1): 69-82.
- Md. Noor Saper. 2012. Pembinaan Modul Bimbingan ‘Tazkiyah An-Nafs’ dan Kesannya ke Atas Religiositi dan Resiliensi Remaja. Tesis kedoktoran: Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Wasfi. t.t. *Al-Quran wa al-Tib, Tahqiq, al-Tajabi Bassam 'Abd al-Wahhab*, cet. 1. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Nasrudin Subhi et al. 2012. Hubungan seksual remaja: Antara cinta dan nafsu. *Journal of Sciences and Humanities* 7(1): 15-25.
- Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina & Sabri Mohamad. 2018. Menangani keruntuhan akhlak masa kini menurut Islam. *Jurnal al-Turath* 3(1): 55-63.
- Noor Hafizah Mohd Haridi dan Fakhru Adabi Abd. Kadir. 2015. Program agama di institusi pemulihan akhlak Jabatan Kebajikan Malaysia: Analisis persepsi pelatih terhadap pelaksanaan. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1): 87-100.
- Noor Hafizah binti Mohd Haridi. 2016. Program Agama Di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Pelaksanaan Dan Keberkesanan. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya.
- Nor Azah Ab. Aziz. 2009. Pengawalan Diri ke Atas Pelayaran Laman Web Pornografi Pada Peringkat Remaja di Lembah Klang, Malaysia dari Sudut Psiko-spiritual Islam. Tesis kedoktoran: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Norhasmah Mohd Zain Low Wah Yun dan Sajaratulnisah Othman. 2012. Risk factors that influence unwanted pregnancy among unmarried mothers in Malaysia. *Journal of Community Health Supplement* 1.
- Nor Jana Saim. 2013. Social Support, Coping, Resilience and Mental Health in Malaysian Unwed Young Pregnant Women and Young Mothers Their Experiences While Living in a Shelter Home. Tesis kedoktoran: Umeå University, Sweden.
- Norshidah Nordin et al. 2012. Psychological well-being of young unwed pregnant women: Implications for extension education and programs. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 68: 700-709.
- Norulhuda Sarnon et al. 2012. Hamil luar nikah: Memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 121-130.
- Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari. 2016. Penghayatan Islam dan hubungannya dengan konflik rumah tangga: Kajian di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Syariah* 24(3): 393-422.
- Nurul Husna Mansor. 2016. Modul Keagamaan Untuk Remaja Hamil Luar Nikah Di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah. Tesis Kedoktoran: Universiti Malaya.
- Pamlet Bahagian Unit al-Riqab. 2012. Selangor: Majlis Agama Islam Negeri Selangor.
- Pelatih 1. Pelatih, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. Temu bual pada 25 Ogos 2014.
- Pelatih 2. Pelatih, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. Temu bual pada 25 Ogos 2014.
- Pelatih 3. Pelatih, Asrama Bahagia. Temu bual pada 2 Februari 2015
- Pelatih 4. Pelatih, Asrama Bahagia. Temu bual pada 2 Februari 2015
- Portal Rasmi Bahagian Pemulihan Ar-Riqab Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). <http://www.mais.gov.my/organisasi/sektor-pembangunan-sosial/bahagian-pemulihan-ar-riqab>. Dicapai pada: 5 Jun 2017.
- Portal Rasmi Berita Harian. Purata 18, 000 remaja hamil setiap tahun. <http://www.bharian.com.my/node/92792>. Dicapai pada: 29 Oktober 2015.
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. [http://www.jkmwpkl.gov.my/perkhidmatan-institusi/asrama-bahagia-kg-pandan/](http://www.jkmwpkl.gov.my/perkhidmatan-institusi/asrama-bahagia-kg-pandan/maklumat-tambahan-asrama-bahagia-kg-pandan/). Dicapai pada: 6 Jun 2016.
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat Penang. <http://jkm.penang.gov.my/index.php/en/mengenai-kami/institusi/15-institusi/70-asrama-akhlak>. Dicapai pada: 1 Jun 2017.
- Portal Rasmi Mstar Online. Kes remaja hamil luar nikah: Satu kelahiran setiap hari. [http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/9/22/mstar\\_berita/20120922100653&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/9/22/mstar_berita/20120922100653&sec=mstar_berita). Dicapai pada: 13 Jun 2013.
- Portal Rasmi Selangor Kini, <http://bm.selangorku.com/74663/tangkapan-kes-berkaitan-zina-lebih-banyak-daripada-arak/>, dicapai pada 02 Jun 2013.

- al-Qaradawi, Y. 1995. *Al-'Ibadat fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Razmi @ Hilmi Mohamed. 2015. Hubungan Antara Pengamalan Solat Fardhu Dengan Perilaku Delinkuen Pelajar: Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Keningau, Sabah. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Riwayat al-Darimi. t.t. Sunan al-Darimi, Kitab al-Buyu, bab fi al-Halal bayyin wa al-Haram bayyin, no. Hadith 2419.
- Rohana Hamzah. 2010. *Mengenali Manusia: Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Ruzieha Abd. Halim. 2017. Penghayatan Agama Islam Sebagai Mediator dalam Hubungan Antara Persekutaran Sosial dengan Salah Laku Seksual Pelajar Islam. Tesis Kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia.
- Salamatussaadah Abd. Ghadur dan Nor Ba'yah Abdul Kadir. 2009. Hubungan romantik dan remaja hamil luar nikah di pusat pemulihan. *e-Bangi* 4(1): 106-113.
- Salasiah Hanin Hamjah et al. 2012. Factors relating to premarital pregnancy amongst muslim adolescents in Malaysia. *Research Journal of Medical Sciences* 6(6): 266-271.
- Salhah Abdullah et al. 2014. Relationship of parent and peer attachment with coping strategy among Teenagers Pregnancy. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 114: 334-338.
- Salmi Ahmad Sudan. 2013. Premarital Sex Among School-Going Malay Female Teens: A Case Study in Selangor. Tesis kedoktoran: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Siti Balqis Mohd Azam et al. June 2013. Ciri-ciri pemulihan teraputik berkesan untuk anak gadis hamil luar nikah. *Sarjana* 28(1): 181-194.
- Su Xu Vin et al. 2014. Physical and psychosocial impacts of pregnancy on adolescents and their coping strategies: A descriptive study in Kuala Lumpur, Malaysia. *Malaysian Journal of Public Health Medicine* 14(3): 71-80.
- Wan Katijah. Guru Agama. Temu bual pada 3 Februari 2015
- Wan Turaniah Yahya. 2004. Iman Teras Pembinaan Insan. Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam: Universiti Malaya.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Ph. D  
Kluster Pendidikan dan Sains Sosial (CESS)  
Open University Malaysia  
Lot G (7-06-01) Blok 7  
Presint Alami, Pusat Perniagaan Worldwide 2  
Jalan Tinju, Seksyen 13  
40100 Shah Alam, Selangor  
MALAYSIA  
khairul\_hamimah@oum.edu.my
- Nurul Husna Mansor, Ph.D  
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya  
50603, Kuala Lumpur  
MALAYSIA  
nurulhusna@um.edu.my